KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	15.02.22	MUKA SURAT	:	9
JABATAN	:	JKPTG			

Selesai tunggakan harta pusaka

Kerajaan cadang tubuh jabatan baharu selesaikan tunggakan pembahagian pusaka yang mencecah 72,348 kes

Oleh SITI ZUBAIDAH ZAKARAYA

SIK

Kerajaan bercadang mewujudkan satu jabatan baharu bagi menyelesaikan tunggakan pembahagian harta pusaka yang mencecah 72,348 kes seluruh negara sehingga Disember lalu.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan berkata, proses pelaksanaan untuk mewujudkan jabatan itu sudah diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk tindakan lanjut.

"Kita nak satu jabatan *stand alone* yang mempunyai ketua pengarah sendiri, pengarah di peringkat negeri serta kakitangan. Sekarang ini kita belum ada dan sedang dalam proses," katanya pada Majlis Pelancaran Klinik Penyelesaian Tunggakan Kes Pusaka Peringkat Negeri Kedah, di Dewan Al-Hana, Sik pada Isnin.

Menurut Takiyuddin, pindaan Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98] yang diluluskan di Parlimen 22 Disember lalu meningkatkan bidang kuasa daripada RM2 juta kepada RM5 juta, selari dengan peningkatan hartanah semasa.



TAKIYUDDIN

Ia sekali gus dapat membantu rakyat tanpa perlu membawa kes pembahagian ke mahkamah yang pastinya memerlukan kos khidmat guaman tinggi.

"Disebabkan peningkatan bidang kuasa inilah perlu adanya jabatan baharu yang dilihat dapat bantu rakyat dalam urusan penyelesaian pusaka yang kita sedia maklum kebanyakannya melibatkan banyak isu dan permasalahan rumit," katanya.

Takiyuddin, berkata Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (KKPTG) melalui Bahagian Pembahagian Pusaka kini menerima lebih 60,000 permohonan pembahagian pusaka setiap tahun berbanding agensi lain seperti Amanah Raya Berhad (ARB).